

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dan cara kaedah itu dikendalikan. Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi adalah suatu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data. Metodologi merupakan suatu prosedur sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna.

3.1 Reka bentuk kajian

Menurut Mohd. Majid (1990) kaedah atau metodologi dalam sesuatu kajian merujuk kepada cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna dengan kos yang minima demi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Maka pengkaji seharusnya membuat kajian berdasarkan metodologi yang sesuai, agar kajian yang dijalankan tersebut berkesan. Apabila pengkaji menggunakan metodologi yang berkesan, maka kita akan dapat keputusan kajian yang jelas, tepat, sah dan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap sesuatu kajian. (Pakas Rao, 2004)

Seperti yang dijelaskan, fokus kajian ini adalah berkaitan dengan kajian perbandingan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dengan kelas POL. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan secara deskriptif. Menurut Othman Mohamed (2001), kajian deskriptif digunakan bagi menghuraikan taburan pola penyesuaian iaitu penyesuaian keseluruhan, penyesuaian akademik, penyesuaian sosial, penyesuaian personal, emosional dan penyesuaian komitmen matlamat.

Kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk mendapatkan data primer dengan menggunakan empat cara iaitu dengan menjawab soal selidik, ujian tulisan, ujian bacaan sepontan dan temu bual.


3.2 Sampel kajian

Di daerah Muar terdapat 34 buah sekolah menengah. Daripada 34 buah sekolah menengah, hanya 15 buah sekolah sahaja yang mengadakan kelas bahasa Tamil. Kajian ini dijalankan di 15 buah sekolah menengah daerah Muar, yang menyediakan kelas Bahasa Tamil. Di sekolah-sekolah lain kelas Bahasa Tamil tidak dapat diadakan kerana kekurangan pelajar yang mengambil Bahasa Tamil. Pengkaji menggunakan dua kumpulan sampel dalam kajian ini, iaitu sampel murid yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas biasa dan satu kumpulan sampel yang belajar di kelas POL.

Seramai 100 orang sampel dipilih untuk menjalani kajian ini, iaitu 50 sampel dari kumpulan di dalam kelas biasa dan 50 sampel dari kumpulan kelas POL. Sampel yang dipilih adalah dari tingkatan 3, 4 dan 5.

Bagi kelas Bahasa Tamil setiap guru bahasa Tamil mempunyai sebuah buku rekod kedatangan pelajar. Pemilihan sampel adalah berdasarkan buku rekod kedatangan pelajar tersebut. Pelajar-pelajar yang namanya tertera dalam nombor ganjil dipilih sebagai sampel bagi kajian ini.

Berikut adalah senarai nama sekolah yang menawarkan kelas Bahasa Tamil di daerah Muar.

- a) SMK Convent
 - b) SMK(P) Sultan Abu Bakar
 - c) Sekolah Tinggi Muar
 - d) SMK Tengku Temenggong Ahmad
 - e) SMK Bukit Gambir
 - f) SMK Sungai Abong
 - g) SMK Jalan Junid
- 
- Pengajaran dan pembelajaran
Bahasa Tamil dijalankan
di dalam kelas POL

- a) SMK Ledang
- b) SMK Tun Mamat
- c) SMK Seri Tangkak
- d) SMK Sagil
- e) SMK Bukit Pasir
- h) SMK Sultan Alauddin Riayat Shah 1
- i) SMK Tun DR Ismail
- j) SMK Tun Perak

Pengajaran dan pembelajaran
bahasa Tamil dijalankan
di dalam kelas biasa.

3.3 Instrumen Kajian

Menurut Othaman Mohamed (2001), kebanyakan kajian akan menggunakan alat kajian. Alat kajian digunakan untuk mengumpul data yang berkaitan dengan tajuk. Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan keputusan peperiksaan Bahasa Tamil PMR dan SPM tahun 2005 hingga 2007 peringkat daerah Muar, soal selidik, bahan bacaan dan ujian menulis untuk mengumpul data bagi kajian.

3.3.1 Ujian bacaan spontan

Ujian ini dijalankan ke atas 100 orang sampel iaitu pelajar yang belajar Bahasa Tamil di dalam kelas dan kelas POL. Setiap pelajar diminta membaca petikan yang

disediakan oleh pengkaji. Segala kesalahan akan direkodkan oleh pengkaji. Markah diberikan berdasarkan jadual di bawah. Jadual gred di bawah adalah berdasarkan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS). Kemudian pengkaji membuat analisis berdasarkan gred yang diperolehi oleh sampel.

Gred yang diberikan kepada sampel selepas membaca petikan kefahaman

Jumlah kesalahan yang dibuat oleh pelajar	GRED
0-5	A
6-10	B
11-15	C
16-20	D
21 ke bawah	E

3.3.2 Ujian menulis

Sampel-sampel kajian ini juga menduduki satu ujian menulis. 100 sampel yang telah dipilih ini telah diberikan dua tajuk karangan kepada para sampel. Mereka diminta memilih salah satu tajuk karangan dan menulis karangan tersebut dalam masa setengah jam. Jumlah perkataan dalam karangan tersebut hendaklah melebihi 120 patah perkataan. Selepas mengumpulkan kesemua karangan, pengkaji sendiri memeriksa karangan-karangan berkenaan. Pendekatan holistik telah digunakan untuk menanda karangan sampel.

Selepas menanda karangan-karangan sampel, pengkaji menggredkan markah-markah berkenaan berdasarkan jadual di bawah. Jadual gred di bawah adalah berdasarkan Penilaian Kurikulum Berasaskan Sekolah (PKBS). Kemudian pengkaji melakukan analisis markah-markah karangan sampel.

Gred yang diberikan kepada karangan sampel

MARKAH	GRED
100-80	A
79-60	B
59-50	C
49-40	D
39-0	E

3.3.3 Soal Selidik

Penyelidik telah menyediakan satu set soal selidik. (Lampiran 1) Soal selidik berkenaan telah diedarkan kepada sampel yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 3, 4 dan 5. Di dalam soal selidik berkenaan terdapat 3 bahagian. Dalam bahagian A, sembilan soalan diberi untuk mendapatkan maklumat pelajar.

Manakala bahagian B pula mengandungi lima soalan yang berkaitan dengan status sosioekonomi keluarga pelajar. Dalam bahagian C pula terdapat soalan-soalan yang berkaitan dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dan guru bahasa Tamil. Soalan-soalan bahagian C ini, mempunyai lima peringkat pilihan berbentuk skala Likert lima point iaitu:

1. Sangat setuju
2. Setuju
3. Tidak tahu
4. Tidak setuju
5. Sangat tidak setuju

Sebelum diedarkan kepada pelajar, soal selidik ini telah melalui beberapa peringkat tapisan dan semakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Penyelia telah menyemak dan membuat pembetulan terhadap soalan-soalan dalam borang soal selidik. Setelah membuat pembetulan dan perubahan yang diperakui oleh penyelia, ujian rintis telah dijalankan di sekolah yang dipilih iaitu di Daerah rah Jasin.

3.4 Kajian rintis

Kajian rintis dijalankan bagi mengenal pasti kesesuaian soal selidik. Kajian melibatkan pelajar-pelajar daerah lain. Maka pengkaji telah menjalankan ujian rintis di dua buah sekolah menengah di daerah Jasin, Melaka. Dua buah sekolah berkenaan

adalah SMK Jasin dan SMK Simpang Bekoh. Di SMK Jasin, kelas Bahasa Tamil dijalankan di dalam kelas biasa manakala di SMK Simpang Bekoh kelas bahasa Tamil dijalankan sebagai kelas POL. Seramai 10 orang pelajar dipilih di setiap sekolah. Pelajar yang dipilih terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima yang belajar Bahasa Tamil di sekolah berkenaan.

Kajian rintis ini bertujuan untuk memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik. Ahmad Mahzan (dalam A.Santha, 2002) menyatakan bahawa ujian rintis dijalankan bagi menentukan bahawa soalan yang diberikan kepada responden sesuai dan mudah difahami oleh mereka.

3.5 Kesahan Instrumen

Menurut Othman Mohamed (2001), penyelidik mesti memastikan kesahan dan kebolehpercayaan alat kajian untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan ujian tersebut. Oleh itu, pengkaji telah meminta penyelia untuk meneliti kandungan instrumen yang diberi kepada murid.

3.6. Prosedur kajian

Menurut Othman Mohamed (2001), setiap kajian mempunyai cara dan proses pentadbirannya yang tersendiri. Pentadbiran kajian merangkumi segala aspek cara dan proses kajian dijalankan. Tambah beliau, prosedur ini termasuk pemilihan alat kajian,

pemilihan subjek, pemilihan saiz sampel, pemilihan tempat untuk kajian dijalankan dan pemilihan ketepatan masa yang paling sesuai untuk kajian dijalankan. Untuk kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa prosedur bagi memudahkan kajian ini dijalankan.

Kajian ini dijalankan setelah mendapat keizinan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan , Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Muar dan Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Bagi kajian ini berjalan lancar, sampel-sampel yang dipilih ditempatkan di sebuah bilik darjah di setiap sekolah. Kemudian pengkaji menerangkan tentang tujuan kajian ini dijalankan dan tugas yang perlu dilakukan oleh sampel semasa kajian ini dijalankan.

Sebagai langkah pertama, sampel diminta menulis karangan. Dua tajuk karangan diberikan kepada sampel. Sampel memilih salah satu tajuk karangan dan menulis karangan tersebut dalam masa setengah jam. Sampel harus menulis karangan tersebut tidak kurang dari 120 patah perkataan.

Langkah kedua adalah ujian bacaan spontan. Pengkaji menjalankan ujian bacaan spontan kepada setiap sampel secara berasingan. Sampel diminta membaca petikan kefahaman yang disediakan oleh pengkaji. Semasa sampel membaca petikan kefahaman tersebut, pengkaji mencatatkan kesalahan yang dilakukan oleh sampel seperti

sebutan, ejaan dan intonasi. Markah diberikan kepada sampel berdasarkan jumlah kesalahan yang dilakukan oleh sampel.

Langkah ketiga adalah menjawab soal selidik. Setiap sampel diedarkan satu set soal selidik. Penerangan diberikan tentang soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik tersebut. Sampel diminta tidak berbincang semasa menjawab soal selidik berkenaan. Ini bagi memastikan dapatan soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Bagi mendapatkan keputusan peperiksaan PMR dan SPM, pengkaji telah mendapatkan bantuan dari Unit Penilaian dan Peperiksaan, Pejabat Pelajaran Daerah Muar,

3.7 Penganalisan Data

Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan program SPSS V. 10. Keputusan min digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan antara 2 kumpulan responden dari segi sikap dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Tamil.

Untuk menilai pencapaian sampel dalam bacaan ujian spontan, Model Clay, (2000), digunakan. Cara untuk menilai bacaan sampel adalah seperti berikut. Langkah pertama adalah mengkira jumlah perkataan yang ada dalam petikan. Semasa pelajar

membaca petikan, setiap kesalahan bahasa yang dilakukan olehnya dicatit. Kemudian, dengan menggunakan formula di bawah markah diberi.

$$\frac{\text{Jumlah kesalahan}}{\text{Jumlah perkataan}} \times 100$$

Bagi ujian menulis, pengkaji akan menggunakan peratus untuk menganalisis markah sampel.

3.8 Kesimpulan

Berdasarkan metodologi kajian yang dirancang, diharap pengkaji mendapat maklum balas yang tepat dan dapat membuat analisa serta memberikan cadangan yang berfaedah untuk kepentingan bersama.